

PENYATUAN NASIONAL

Siswa boleh mainkan peranan merintis kembali jalan perkukuh semula perpaduan kaum



PENA KAMPUS

Oleh Noor Mohamad
Shakil Hameed

Mutakhir ini, isu perpaduan kaum dan penyatuan nasional mula menarik perhatian khalayak. Rata-rata masyarakat kita masih membincangkan isu ini secara serius. Ternyata isu perpaduan kaum agak mudah untuk menarik perhatian semua kerana ia benteng dan tunjang kejayaan negara selama ini.

Perpaduan kaum di negara kita bukanlah terbentuk secara semula jadi, namun melalui satu proses yang jauh, rumit dan kompleks sebelum kita berjaya menikmati apa yang ada pada hari ini.

Penjajahan Inggeris dan Jepun serta kemasukan imigran dari India dan China menjurus dan merintis jalan kepada kewujudan masyarakat majmuk di Tanah Melayu, sekali gus menyemarakkan usaha mencapai kemerdekaan pada 1957.

Malaysia yang ada pada hari ini adalah hasil usaha generasi terdahulu yang

sanggup mengorbankan ego, perbezaan etnik, agama, latar belakang dan pegangan ideologi demi mencapai nikmat kemerdekaan.

Sekian lama mengecapi keamanan, isu perpaduan kaum dan penyatuan nasional digugat sekali lagi, terutama apabila cuba 'dimarakkan' oleh generasi muda.

Akibatnya pada hari ini kita masih terpaksa terus mencari formula untuk kembali menyatupadukan rakyat pelbagai etnik di negara kita.

Dalam konteks ini, penulis percaya siswa boleh memainkan peranan

yang cukup signifikan bagi merintis kembali jalan untuk memperkukuh dan memperkasakan semula perpaduan kaum dan penyatuan nasional dalam negara kita.

Siswa boleh bertindak sebagai penggerak perpaduan nasional, sekali gus membantu memupuk budaya dan semangat penyatuan nasional secara menyeluruh.

Sumber tenaga muda ini boleh digunakan dengan nilai optimum, justeru mereka perlu dibabitkan dengan usaha menyatupadukan rakyat dengan lebih matang, neutral dan profesional.

Untuk itu, siswa wajar dilatih memberi penerangan mengenai keperluan mematuhi norma dan batas yang menjadi mandat dalam kehidupan masyarakat.

Mereka boleh menjadi agen untuk memberi penjelasan mengenai asas pembentukan kontrak sosial dalam konteks keperluan masyarakat majmuk.

Perpaduan dan integrasi antara mereka perlu dipupuk secara berterusan dan berstruktur dari peringkat sekolah rendah, menengah, universiti serta apabila keluar dari sistem pendidikan dan memasuki dunia peker-

jaan. Perkara ini perlu diberi perhatian yang serius oleh semua pihak terbabit.

Kita sememangnya berharap siswa mampu menjadi pemangkin perpaduan nasional.

*** Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia, Serdang.**

****Warga kampus yang berminat menulis dan mempunyai pandangan mengenai isu semasa, sila e-mel kepada lann@hmetro atau ruhaizarusmin@mediaprima.com.my atau rencana@mediaprima.com.my**